

## SEKTOR PERPUSTAKAAN AWAM DAN DESA

### SOALAN-SOALAN LAZIM

1. **S:** Bagaimanakah penjarakan sosial dilaksanakan dipremis perpustakaan?

**J:** Penjarakan sosial dilaksanakan dipremis perpustakaan dengan memastikan setiap pekerja atau pelawat menjarakkan diri dalam jarak 1 meter bagi mengelakkan berlaku sentuhan atau penyebaran virus. Penjarakan sosial boleh dilaksanakan melalui beberapa kaedah iaitu:

- ✓ Menyediakan garisan penanda berjarak 1 meter antara pelawat diruang yang memerlukan pelawat untuk berbaris seperti di kaunter perkhidmatan, kawasan rak buku dan pintu masuk utama premis semasa pemeriksaan suhu badan dilakukan.
- ✓ Menyusun atur semula kedudukan kerusi dan meja secara bersilang dimana terdapat penjarakan sosial berjarak 1 meter diantara tempat duduk.

2. **S:** Berapakah bilangan pelawat yang boleh memasuki premis perpustakaan dalam satu-satu masa?

**J:** Bilangan pelawat yang boleh memasuki premis dalam satu-satu masa adalah tertakluk kepada keluasan premis dan penjarakan sosial yang dibenarkan. Sebagai contoh, sekiranya premis tersebut boleh memuatkan sebanyak 50 orang pelawat dalam satu-satu masa pada hari biasa, semasa penjarakan sosial dilaksanakan, jumlah tersebut akan dikurangkan kepada 25 orang pelawat sahaja yang boleh memasuki premis tersebut dalam satu-satu masa dan jumlah tersebut juga hendaklah tidak menyebabkan keadaan premis menjadi sesak hingga penjarakan sosial tidak dapat dikawal. Jumlah pelawat baharu yang masuk mengikut giliran hendaklah sama jumlah dengan pelawat yang telah keluar untuk memastikan jumlah pelawat sentiasa terkawal.

3. **S:** Mengapakah setiap pekerja atau pelawat perlu untuk diambil rekod dan maklumat peribadi semasa memasuki premis?

**J:** Rekod dan maklumat peribadi pekerja dan pelawat yang mengunjungi premis perlu diambil sebagai salah satu langkah untuk memastikan rantai virus Covid-19 ini dapat dikawal. Sekiranya terdapat pelawat yang dikesan positif Covid-19, lebih mudah untuk pihak berwajib mengesan kontak rapat melalui rekod dan maklumat peribadi pekerja atau pelawat bagi memastikan rantai virus covid-19 ini dapat dikawal.

4. **S:** Adakah pemakaian topeng muka diwajibkan sebagai syarat untuk masuk kedalam premis?

**J:** Pemakaian topeng muka untuk pelawat adalah digalakkan atas tanggungan sendiri manakala untuk pekerja adalah diwajibkan pemakaian sepanjang berada di premis.

5. **S:** Adakah proses pembersihan dan sanitasi tempat perlu dilakukan?

**J:** Proses pembersihan dan santiasi premis wajib dilakukan dengan menggunakan cecair pencuci yang dibenarkan dan atas tanggungan pemilik perpustakaan masing-masing. Sanitasi ditempat-tempat tertentu seperti pemegang pintu, kaunter, meja dan kerusi serta tempat-tempat yang sering terdedah kepada pelawat juga perlu kerap dilakukan untuk memastikan kebersihan sentiasa dijaga.

6. **S:** Adakah pemeriksaan suhu badan dan penggunaan hand sanitizer wajib dilakukan sebelum masuk kedalam premis?

**J:** Penggunaan hand sanitizer/sabun antiseptic bagi pekerja dan pelawat adalah diwajibkan. Pemeriksaan suhu badan adalah digalakkan untuk premis yang mempunyai kemudahan alat pengimbas suhu badan manakala untuk premis yang tidak mempunyai kemudahan alat pengimbas suhu badan perlu melakukan saringan secara lisan dengan mendapatkan rekod kesihatan dan rekod perjalanan pelawat sebelum dibenarkan memasuki premis.

7. **S:** Adakah berlaku perubahan pada waktu operasi untuk perkhidmatan perpustakaan?

**J:** Waktu operasi perkhidmatan perpustakaan adalah mengikut waktu operasi biasa tertakluk kepada peraturan perpustakaan masing-masing dan tidak boleh melebihi pukul 10.00 malam.

8. **S:** Adakah sebarang aktiviti yang boleh dilakukan diperpustakaan buat masa ini?

**J:** Tiada sebarang aktiviti yang boleh dilakukan diperpustakaan buat masa ini sehingga dimaklumkan kemudian. Semua perpustakaan digalakkan untuk menjalankan aktiviti secara dalam talian. Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang.

9. **S:** Apakah perkhidmatan perpustakaan yang disediakan pada ketika ini?

**J:** Secara umumnya, semua perkhidmatan perpustakaan dibuka kepada para pelanggan, namun tertakluk kepada peraturan perpustakaan masing-masing dengan mengambil kira langkah-langkah bagi mengurangkan risiko penularan penyakit Covid-19 ini.